



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk:

KEUTAMAAN ZULHIJJAH

Tarikh Dibaca:

**27 ZULKADEAH 1444H/
16 JUN 2023M**

Disediakan oleh:

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



جَامِعَةِ حُكْمِ الْإِسْلَامِ مَالِيْسِيَا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

KEUTAMAAN ZULHIJJAH
16 JUN 2023 / 27 ZULKAEDAH 1444H

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ :

﴿أَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ﴾

الَّذِينَ عَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّلِحَاتِ طَوَبَ لَهُمْ وَحُسْنُ مَقَابِ »

أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللّٰهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَاهُ بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ
اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ، أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللّٰهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam naungan Allah SWT. Khatib mengingatkan para jemaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang *lagha* seperti menggunakan telefon dan berbual-bual. Tumpukan perhatian pada khutbah yang akan disampaikan, mudah-mudahan kita semua mendapat hidayah dan taufiq dari Allah SWT.

Pada hari ini, khatib akan menyampaikan khutbah yang bertajuk: “Keutamaan Zulhijjah”.

Sebelum itu, khatib ingin mengingatkan sidang jemaah sekalian agar terus *istiqamah* mengimarahkan masjid, surau dan majlis-majlis ilmu, serta saling berpesan antara satu

sama lain dalam usaha menyeru melakukan kebaikan dan memberi peringatan dalam mencegah sebarang bentuk kemungkaran seperti pergaulan bebas, rasuah, pecah amanah, dan sebagainya.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Dalam beberapa hari sahaja lagi, kita akan memasuki Bulan Zulhijjah. Bulan yang turut memiliki beberapa kelebihan, keistimewaan dan keutamaan. 10 hari pertama dari Bulan Zulhijjah merupakan antara hari yang paling utama berbanding dengan hari-hari yang lain. Baginda SAW menganjurkan untuk memperbanyak amalan soleh pada hari-hari tersebut. Semua amalan soleh yang dikerjakan pada 10 hari ini lebih dicintai oleh Allah SWT daripada amalan-amalan soleh yang dikerjakan pada selain hari-hari tersebut. Hal ini menunjukkan betapa utamanya amalan soleh pada hari tersebut dan betapa besar ganjaran pahalanya. Amalan-amalan soleh yang dilakukan pada 10 hari tersebut akan diberikan ganjaran pahala yang berlipat kali ganda banyaknya.

Rasulullah SAW bersabda:

*“Tiada hari-hari yang amalan soleh yang paling disukai oleh Allah untuk dilakukan melainkan hari-hari ini- Baginda memasukkan: 10 hari terawal Zulhijjah-.” Para sahabat bertanya, “Wahai Rasulullah, Walaupun jihad pada jalan Allah tidak dapat menandinginya?” Baginda bersabda, “Walaupun jihad pada jalan Allah tidak dapat menandinginya, melainkan seorang lelaki yang keluar berjihad bersama hartanya, kemudian dia langsung tidak kembali”. (**Hadis riwayat Imam al-Bukhari, Abu Daud, Ibn Majah, al-Tirmizi**)*

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Antara keutamaan 10 hari pertama Bulan Zulhijjah ialah:

Pertama: Bahawa Allah bersumpah dengan sepuluh hari tersebut sepetimana firman-Nya:

وَالْفَجْرِ وَلَيَالٍ عَشْرِ

Maksudnya: *“Demi waktu fajar; Dan malam yang sepuluh (yang mempunyai kelebihan di sisi Allah);”* (**Surah al-Fajr ayat 1-2**)

Berdasarkan ayat ini, yang dimaksudkan dengan “malam yang sepuluh” ialah sepuluh hari pertama dari Bulan Zulhijjah, sebagaimana yang dikatakan oleh Ibnu ‘Abbas, Ibnu al-Zubair, dan beberapa ulama lain.

Kedua: Allah SWT memerintahkan untuk memperbanyak *bertasbih*, *bertahlil* dan *bertahmid*. Firman Allah SWT:

لَيَشْهُدُوا مَنَافِعَ لَهُمْ وَيَذْكُرُوا أَسْمَ اللَّهِ فِي أَيَّامٍ مَّعْلُومَاتٍ عَلَىٰ مَا رَزَقَهُمْ مِّنْ بَهِيمَةِ الْأَنْعَمِ

Maksudnya: “Supaya mereka menyaksikan pelbagai perkara yang mendatangkan faedah kepada mereka serta memperingati dan menyebut nama Allah, pada hari-hari yang tertentu, kerana pengurniaan-Nya kepada mereka dengan binatang-binatang ternak (untuk dijadikan korban)”. (**Surah al-Hajj ayat 28**)

Disyariatkan untuk *bertakbir*, *bertahmid* dan *bertahlil* pada 10 hari pertama Zulhijjah ini. Dari Abu Hurairah RA secara *marfu’*:

مَا مِنْ أَيَّامٍ أَحَبُّ إِلَى اللَّهِ الْأَعْمَلُ فِيهِنَّ مِنْ عَشْرِ ذِي الْحِجَّةِ، فَعَلِيهِمْ بِالتسْبِيحِ وَالْتَّهْلِيلِ
وَالْتَّكْبِيرِ

Maksudnya: “Tidak ada hari-hari yang amal soleh lebih dicintai oleh Allah daripada 10 hari pertama Zulhijjah. Maka hendaklah kamu *bertasbih*, *bertahlil*, dan *bertakbir*”. (**Hadis riwayat Imam al-Tabrani**)

Disyariatkan juga untuk *bertakbir* setelah Solat Subuh pada Hari Arafah hingga akhir Hari Tasyriq.

Ketiga: Rasulullah SAW bersaksi bahawa 10 hari tersebut termasuk hari-hari yang paling utama di dunia sebagaimana hadis Nabi SAW:

مَا مِنْ أَيَّامٍ الْأَعْمَلُ أَفْضَلُ مِنْ أَيَّامِ الْعَشْرِ

Maksudnya: “Tiada hari-hari amalan yang dilakukan padanya menjadi afdal berbanding 10 hari awal Zulhijjah”. (**Hadis riwayat Imam al-Bukhari**)

Keempat: Ibadah haji, umrah dan Hari Arafah, yakni puncak kepada ibadah haji. Tidak sah apabila tidak wukuf di Arafah. Nabi SAW bersabda:

الْحَجَّ عَرْفَةُ

Maksudnya: “*Haji itu wukuf di Arafah*”. (**Hadis riwayat Imam al-Tirmidzi**)

Pada waktu ini juga, sebahagian Jemaah dari Malaysia – mungkin juga ada kalangan ahli keluarga kita – telah pun berada di Tanah Suci untuk melaksanakan ibadah haji. Marilah kita mendoakan kesejahteraan, kesihatan dan keselamatan mereka untuk melaksanakan Rukun Islam yang kelima ini. Semoga mereka semua mendapat haji yang mabrur.

Kelima: Hari Raya Adha dan pelaksanaan ibadah korban. Firman Allah SWT:

فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَأُخْرُجْ

Maksudnya: “*Oleh itu, kerjakanlah sembahyang kerana Tuhanmu semata-mata, dan sembelihlah korban (sebagai bersyukur)*”. (**Surah al-Kauthar ayat 2**)

Diingatkan juga, bagi sesiapa yang melakukan ibadah korban, disunatkan untuk tidak memotong kuku, dan rambutnya apabila masuknya 1 Zulhijjah sehingga disembelih haiwan korbannya.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Selain itu juga, kita sangat dianjurkan untuk berpuasa terutamanya pada hari kesembilan Bulan Zulhijjah. Diriwayatkan daripada sebahagian isteri Nabi SAW, mereka berkata:

“*Bahawa Rasulullah SAW biasanya berpuasa pada sembilan hari bulan Zulhijjah, Hari Asyura, tiga hari pada setiap bulan, dan hari Isnin pertama awal bulan serta Hari Khamis*”.

(Hadis riwayat Abu Daud)

Dalam hadis lain, Rasulullah SAW bersabda:

صِيَامُ يَوْمِ عَرْفَةِ أَحْتَسِبُ عَلَى اللَّهِ أَنْ يُكَفِّرَ السَّنَةَ الَّتِي قَبْلَهُ، وَالسَّنَةَ الَّتِي بَعْدَهُ

Maksudnya: “Puasa pada hari Arafah (9 Zulhijjah), aku berharap kepada Allah, Dia akan menghapuskan (dosa) satu tahun sebelumnya dan satu tahun setelahnya”. (**Hadis riwayat Imam Muslim**)

Jumhur ulama berpendapat bahawa dosa-dosa yang dihapus dengan puasa Arafah ini ialah dosa-dosa kecil. Adapun dosa-dosa besar, maka wajib bertaubat kepada Allah SWT.

Seterusnya, kita dianjurkan untuk terus memperbanyak amal-amal soleh dan ketaatan kepada Allah Azza wa Jalla seperti bersedekah, membaca al-Quran, berbakti kepada kedua ibu bapa dan lain-lain lagi. Semoga kita semua dibimbing oleh Allah SWT untuk terus melaksanakan amal-amal soleh dalam usaha meningkatkan ketaatan dan ketakwaan kepada Allah SWT.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Justeru, mengakhiri khutbah pada hari ini, khatib ingin membuat beberapa rumusan;

Pertama: Bulan Zulhijjah memiliki beberapa keistimewaan dan keutamaan yang perlu kita manfaatkan dengan melaksanakan amal-amal soleh yang dianjurkan.

Kedua: Terdapat banyak amalan soleh yang boleh kita lakukan pada 10 hari pertama Bulan Zulhijjah sebagaimana yang telah diajarkan oleh Baginda Rasulullah SAW.

Ketiga: Begitu banyak tawaran dan ganjaran bagi hamba-hamba yang melakukan amal soleh menunjukkan betapa kasih-Nya Allah SWT kepada kita dan supaya kita merebut peluang yang ada untuk mencapai redha-Nya.

Firman Allah SWT:

وَالَّذِينَ جَاهُوا فِينَا لَنَهَدِيَنَّهُمْ سُبْلَنَا وَإِنَّ اللَّهَ لَمَعَ الْمُحْسِنِينَ^{٦٩}

Maksudnya: “Dan orang-orang yang berusaha dengan bersungguh-sungguh kerana memenuhi kehendak agama Kami, sesungguhnya Kami akan memimpin mereka ke jalan-jalan Kami (yang menjadikan mereka bergembira serta beroleh keredhaan); dan sesungguhnya (pertolongan dan bantuan) Allah adalah berserta orang-orang yang berusaha membaiki amalannya”. (**Surah al-Ankabut ayat 69**)

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفْعَنِي وَأَيَاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقْبِلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تَلَاقُتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ。 أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءُ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ。

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلٰةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلٰى أَهْلِهِ وَاصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ。

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنْ سَيِّدِنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ。

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تَقْعِيدِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللّٰهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ بِالصَّلٰةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلٰى نَبِيِّ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللّٰهُ تَعَالٰى: إِنَّ اللّٰهَ وَمَلِكُتُهُ وَيُصَلِّونَ عَلٰى النَّبِيِّ يَا يٰيَاهَا الَّذِينَ ءامَنُوا صَلُوْا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيماً ۖ

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيَتْ عَلٰى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكَتْ عَلٰى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ。

وَارْضُ اللَّهُمَّ عَنِ الْخَلْفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنِ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ وَتَابِعِيِّ التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضُ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ。

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ。

اللَّهُمَّ أَيْدِ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَى وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةَ جَلَالَةَ مَلَكَنَا كِبَاوَهُ دُولِي يَعِشْ مَهَا مُولِيَا سَرِي قَدْوَكَ بِكِينِدا يَعِشْ دَفْرُتوَانِ اكْنُوْغْ، السُّلْطَانَ عَبْدَ اللّٰهِ رِعَايَةَ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللّٰهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِنِ بِاللّٰهِ。

وَكَذِلِكَ كِبَاوَهُ دُولِي يَعِشْ مَهَا مُولِيَا سَرِي قَدْوَكَ بِكِينِدا رَاجِ فَرْمَايُوسُورِي اكْنُوْغْ، تُونِكُو عَزِيزِهِ أَمِينِهِ مِيمُونَهِ إِسْكَنْدَرِيَهِ بَنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكِّلِ عَلٰى اللّٰهِ سُلْطَانِ إِسْكَنْدَرِ الحاجِ。

اللَّهُمَّ احْفَظْ عَلِمَاءَهُ وَوَزَرَاءَهُ وَقُضاَهُ وَعَمَالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ。

اللَّهُمَّ اجْعِلْ بَلَدَنَا مَالِيْزِيَا آمِنًا مُطْمِئِنًا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمِنٍ وَآمَانٍ،
وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعْرِّ إِلَسَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّنْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
وَأَخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِيْ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ ادْفُعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمَحْنَ وَالْفَقْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدَنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بَلَدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.
اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجَنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ
الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah, merayu agar Engkau ampunkan segala dosa yang telah kami lakukan. Ya Allah! Cukupkanlah kami dengan rezeki yang halal dan jauhkanlah kami dari rezeki yang haram. Cukupkanlah kami dengan kurniaan-Mu dari bergantung kepada selain-Mu. Hindarkanlah kami dari sebarang fitnah, bala bencana, waba' penyakit, perbuatan-perbuatan keji dan munkar, seperti rasuah, salah guna kuasa dan hiburan yang melalaikan. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Satukanlah kami atas agama-Mu dan hindarkan kami dari perselisihan serta perpecahan yang berpanjangan. Ya Allah! Tunjukkanlah kebenaran itu sebagai kebenaran, dan kurniakanlah kami kekuatan untuk mengikutinya (memperjuangkannya), dan tunjukkanlah yang batil itu sebagai batil dan kurniakanlah kami kekuatan untuk menjauhinya serta menghapuskannya. Janganjadikan yang benar dan batil itu samsaram bagi kami, yang akan menyebabkan kami sesat. Dan jadikanlah kami pemimpin bagi orang-orang yang bertakwa. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang *istiqamah* mendirikan solat secara berjemaah serta tekun mengimarahkan masjid. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتَانَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظُّكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ.

فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاسْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَةِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.